


1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan peniagaan?
 - A Mewujudkan faedah kepada pihak pengguna
 - B Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
 - C Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapat keuntungan
 - D Melakukan pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan

2. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sejenis milikan perniagaan.

- Modal diperoleh daripada simpanan pemilik sendiri
- Pemilik sendiri yang menguruskan perniagaan

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Milikan tunggal
 - B Perkongsian
 - C Syarikat
 - D Koperasi
3. Rajah 1 di bawah ini berkaitan dengan sektor perniagaan.



Rajah 1

Manakah yang mewakili X?

- I Pertanian
 - II Pembinaan
 - III Kejuruteraan
 - IV Perkhidmatan Awam
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
4. Pasangan manakah yang betul tentang perniagaan bersaiz kecil yang terlibat dalam aktiviti pengilangan?

Jumlah Jualan Tahunan	Bilangan Pekerja Tetap
A. RM 300 000 hingga kurang daripada RM 3 juta	5 hingga kurang daripada 30 orang
B. Kurang daripada RM 300 000	Kurang daripada 5 orang

C. RM 300 000 hingga kurang daripada RM 15 juta	5 hingga kurang daripada 75 orang
D. Lebih daripada RM 15 juta	Lebih daripada 75 orang

5. Apakah kelebihan perniagaan berskala tempatan?

- I Saiz pasaran adalah kecil
- II Menikmati ekonomi bidangan
- III Tidak melibatkan operasi yang besar
- IV Kos yang ditanggung adalah rendah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Maklumat berikut menunjukkan beberapa tindakan kerajaan.

- Kerajaan meningkatkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan.
- Bank pusat mengurangkan penawaran wang dan meninggikan kadar bunga.

Tindakan di atas merujuk kepada dasar kerajaan semasa

- A Ekonomi baik
- B Kawalan harga
- C Inflasi
- D Deflasi

7. Maklumat berikut berkaitan dengan beberapa perubahan persekitaran perniagaan.

- Perubahan populasi penduduk
- Perubahan dalam pasaran sumber manusia

Perubahan persekitaran perniagaan tersebut berlaku dalam

- A Trend alam sekitar
- B Trend teknologi
- C Trend sosial
- D Trend etika

8. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan untuk membantu sesuatu perniagaan?

- A Menyediakan keadaan ekonomi yang stabil
- B Menyediakan tenaga buruh yang murah
- C Menyediakan lokasi yang strategik
- D Membekalkan modal permulaan

9. Apakah kelebihan penggunaan sumber dalaman dalam proses pengambilan pekerja?
- A Pekerja dapat membawa idea baharu
 - B Pekerja sedia ada lebih bermotivasi
 - C Pekerja membawa kemahiran baharu
 - D Tidak akan wujud kekosongan jawatan lain
10. Apakah maksud visi perniagaan?
- A Apa yang ingin dicapai oleh organisasi
 - B Tujuan penubuhan sesebuah organisasi
 - C Matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi
 - D Sesuatu yang dibentuk untuk memotivasikan pekerja